

Lantikan politik 'balasan' selayaknya

Oleh **LUQMAN HAZIQ ABDULLAH**
dan **KHAIRUL MOHD ALI**
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Lantikan politik sesebuah kerajaan dengan mengangkat individu yang layak seharusnya dibenarkan dan ia bukan satu bentuk penyalahgunaan kuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, perkara itu 'balasan' selayaknya diterima individu terbabit atas jasa dan sumbangan kepada kejayaan parti politik menjadi kerajaan kerana terdapat ramai individu yang kehilangan kerja dan kehabisan wang ringgit secara sukarela demi menyokong perjuangan kerajaan memerintah.

"Saya teringat, seorang individu dikenali sebagai Pak Kudus di Tanjung Karang. Dia antara individu terawal menyokong saya ketika dipecat dahulu berbekalkan pencen RM1,800 sebulan.

"Ada pensyarah akademik, ada doktor pakar yang hilang kerja, kehabisan ratusan ribu ringgit tetapi tidak pernah minta balasan, sebaliknya menghabiskan sisa hidup secara sederhana sahaja.

"Kita seharusnya beri jawa-



ANWAR Ibrahim bersama barisan Majlis Pimpinan Pusat baharu menyanyikan lagu Keadilan pada hari terakhir Kongres Nasional PKR di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.

tan kepada individu yang layak, sebagai balasan kepada jasa dan sumbangan berpuluh tahun yang mereka berikan dalam perjuangan parti," katanya dalam sesi penggulungan Kongres Nasional PKR di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, di sini semalam.

Menurutnya, PKR merupakan sebuah parti yang dianggotai masyarakat pelbagai kaum dan latar belakang di negara ini

dengan setiap golongan akan diberikan hak sama rata.

"Insya-Allah, kita akan bantu ahli-ahli yang telah berjuang demi parti. Kita parti pelbagai kaum yang serius, induknya mungkin Melayu dan Bumiputera tetapi mewakili semua kaum. Orang Cina dan India juga diangkat oleh ahli-ahli Melayu untuk menjawat jawatan Naib Presiden," katanya.

Presiden PKR itu menegaskan

kan kemenangan anak sulungnya, Nurul Izzah sebagai Timbalan Presiden PKR bukan nepotisme, sebaliknya aspirasi dan kehendak ahli akar umbi, justeru dakwaan mengatakan ia sebagai nepotisme adalah tidak adil terhadap dirinya dan PKR.

"Saya masih ingat, ketika berbaki beberapa jam sahaja saya akan ditangkap polis untuk dipenjarakan, saya tiada pilihan daripada memilih Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail untuk menggantikan saya.

"Dia juga tidak tahu berapa lama perlu galas tanggungjawab itu. Ketika Nurul Izzah terpaksa tinggalkan universiti untuk sambung perjuangan ini, tiada pula pihak bangkitkan nepotisme ketika itu.

"Tetapi mengapa sekarang disebut nepotisme, Wan Azizah ya, mungkin ketika itu saya pilih kerana terdesak, tetapi Nurul Izzah dipilih (sebagai Timbalan Presiden) oleh ahli, selebihnya kita tawakal kepada Allah," katanya

Mengenai keputusan pemilihan, beliau yakin barisan kepimpinan baharu mampu menjalankan tanggungjawab dan amanah bagi mengangkat PKR ke tahap lebih tinggi.

"Barisan ini tiada cai kerana

PEMIMPIN BAHARU PKR

PRESIDEN

» DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

TIMBALAN

» NURUL IZZAH ANWAR
(muka baharu)

NAIB

» DATUK SERI AMIRUDIN SHARI

» DATUK SERI R. RAMANAN
(muka baharu)

» DATUK SERI AMINUDDIN HARUN

» CHANG LIH KANG

KETUA AMK

» MUHAMMAD KAMIL ABDUL MUNIM (muka baharu)

TIMBALAN

» IZUAN KASIM (muka baharu)

KETUA WANITA

» FADHLINA SIDEK

TIMBALAN

» JUWAIRIYA ZULKIFLI

dua-dua kumpulan kita rangkul. Sekarang semua dalam satu kumpulan, saya yakin barisan ini, dengan sokongan rakyat kita boleh angkat PKR ke tahap jauh lebih baik kita pernah capai," katanya.